

# **BAB LIMA**

## BAB LIMA

### RUMUSAN DAN CADANGAN

#### 5.0 Pendahuluan

Bab ini merupakan bab yang terakhir iaitu bab penutup dan mengandungi rumusan-rumusan yang dibuat hasil dari kajian yang telah dijalankan. Bab ini juga mengandungi cadangan-cadangan kepada pihak-pihak tertentu yang terlibat dengan proses dan sistem pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di UiTM dan diakhiri dengan kesimpulan dan penutup.

#### 5.1 Rumusan

Secara keseluruhannya hasil kajian yang diperolehi boleh dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu hasil kajian yang diperolehi daripada para pensyarah dan hasil kajian daripada pelajar.

##### 5.1.1 Kajian Daripada Pensyarah

Hasil dapatan yang diperolehi di kalangan pensyarah melibatkan maklumat peribadi seperti, jantina, kelayakan akademik, bidang pengkhususan pengajian, institusi pengajian terdahulu, pengalaman mengajar bahasa Arab dan kekerapan mengikuti kursus pengajaran bahasa Arab.

Dapatkan seterusnya melibatkan komen para pensyarah tentang kaedah pengajaran komunikasi, aspek yang diberi penekanan di dalam pengajaran iaitu, aspek ejaan,

pertuturan, tatabahasa (sintaksis), penulisan karangan, tugasan (assignment) serta kekerapan menggunakan alat bantu mengajar.

Selain dari itu, para pensyarah juga telah memberikan maklumat berkaitan dengan halangan-halangan kecekapan komunikasi, kepentingan kosa kata di dalam menentukan kecekapan komunikasi dan penulisan, penguasaan kosa kata di kalangan pelajar serta jenis kosa kata yang susah dikuasai oleh pelajar iaitu kata nama dan pecahannya, kata kerja dan pecahannya serta partikel.

Akhirnya dari segi kelemahan para pelajar di dalam menguasai kosa kata bahasa Arab, maklumat yang telah diberikan oleh para pensyarah merujuk kepada faktor-faktor kelemahan pelajar seperti minat yang berkurangan, anggapan yang naatif terhadap BA dan juga sikap malu serta rendah diri. Kelemahan penguasaan kosa kata merupakan masalah terpenting di dalam pengajaran bahasa Arab.

### 5.1.2 **Kajian Daripada Pelajar**

Setelah maklumat diperolehi daripada para pensyarah, maklumat berikutnya adalah dari kalangan pelajar. Dapatan yang diperolehi daripada pelajar bermula dengan maklumat berkaitan pecahan jantina, pengetahuan asas bahasa Arab, keputusan peperiksaan bahasa Arab bagi semester lepas dan pendapat mereka mengenai bahasa Arab.

Maklumat berikutnya berkaitan masalah yang dihadapi oleh para pelajar ketika bertutur bahasa Arab, jenis kosa kata yang paling sukar dikuasai serta cara memahami dan menghafaz kosa kata. Selain daripada masalah yang dihadapi, para pelajar juga diminta untuk memberikan maklumat berkaitan keujudan sumber bahasa Arab di bilik kuliah,

penggunaan kaset dan video dalam aktiviti pengajaran, penglibatan di dalam aktiviti bahasa Arab dan jenis-jenis aktiviti yang disertai.

Seterusnya maklumat yang menjadi fokus utama kajian ini yang melibatkan tumpuan kepada persoalan kosa kata bahasa Arab. Maklumat-maklumat yang telah diperolehi adalah berkaitan perbezaan kosa kata BM dengan kosa kata BA serta kemampuan pelajar untuk menguasai kosa kata BA. Kemampuan untuk mengingati kosa kata BA di kalangan pelajar diukur dari sudut pengetahuan para pelajar terhadap beberapa aspek tertentu iaitu:

1) Jenis-jenis kosa kata Kata Nama asas seperti:

- Anggota badan
- Alat-alat tulis
- Warna
- Pekakas dapur
- Perabut rumah
- Jenis sukan

2) Jenis Kata Nama

- Mufrad
- Muthanna
- Jama`

3) Prestasi dalam empat kemahiran berbahasa Arab

- Kemahiran Mendengar
- Kemahiran Bertutur
- Kemahiran Membaca
- Kemahiran Menulis

4) Kemampuan di dalam membezakan di antara Kata Nama, Kata Kerja dan Partikel.

- 5) Kemampuan di dalam membezakan di antara kosa kata mudhakkir dan mu`annath.
- 6) Penguasaan gantinama iaitu gantinama bergabung dan gantinama berasingan.
- 7) Penguasaan pecahan KataKerja.

Hasil dari kajian yang telah di buat ini, pengkaji telah membuat beberapa Kesimpulan iaitu:

1. Aspek kosa kata merupakan salah satu aspek yang dianggap asas dan terpenting, dan perlu di beri perhatian secara serius dalam pengajaran bahasa Arab.
2. Masih kurang tulisan dan kajian tentang kaedah pengajaran dan pembelajaran yang memberi tumpuan khusus kepada aspek kosa kata bahasa Arab terutama untuk peringkat IPT.
3. Masalah penguasaan kosa kata bahasa Arab merupakan satu masalah yang telah lama ujud di dalam proses pengajaran dan pembelajaran di UiTM.
4. Kedudukan bahasa Arab sebagai bahasa asing atau bahasa ketiga di UiTM adalah tidak sesuai berbanding kepentingan bahasa itu di dalam kehidupan masyarakat Islam khususnya Melayu, kerana dengan kedudukan ini, pelajar merasakan ianya tidak begitu penting di dalam dunia pembelajaran mereka.
5. Masih terdapat kelemahan di dalam sistem dan kaedah pengajaran bahasa Arab di UiTM yang perlu dikaji semula samada berbentuk luaran maupun dalaman.

6. Para pensyarah perlu lebih kreatif dan mempelbagaikan teknik pengajaran mereka bagi menarik minat pelajar terhadap bahasa Arab.
7. Masa yang diperuntukkan oleh pihak universiti kepada kursus bahasa Arab sekarang iaitu hanya dua jam dalam seminggu adalah tidak mencukupi dan sukar untuk melahirkan graduan yang mampu berkomunikasi dalam BA dengan baik kerana penguasaan aspek kosa kata dan pecahannya yang sangat banyak..memerlukan masa yang lebih, sekurang-kurangnya empat jam seminggu seperti yang di amalkan sebelum tahun 2001.

## 5.2 Cadangan

Setelah kajian ini mendapati dengan jelasnya ujud beberapa kelemahan di dalam sistem pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab khususnya dalam aspek kosa kata di UiTM, beberapa cadangan perlu dibuat bagi mengatasi kelemahan dan permasalahan. Pihak pertama yang perlu diberi saranan ialah:

### 5.2.1 Penyedia Teks

Bagi pihak yang menyediakan teks dan silibus bahasa Arab peringkat pertengahan di UiTM perlu mengkaji balik kelemahan-kelemahan yang terdapat di dalam teks yang digunakan supaya lebih sesuai dengan peringkat pembelajaran dan mengambil kira peruntukkan masa yang amat terhad. Antara aspek-aspek yang perlu diberi perhatian ialah:

### **5.2.1.1 Sukatan Pelajaran**

Hasil dari kajian yang telah dibuat, didapati sukatan pelajaran yang disediakan untuk pelajar sarjana peringkat pertengahan adalah terlalu banyak berbanding masa yang diperuntukkan terlalu singkat. Ini menyebabkan masa untuk latihan berkomunikasi amat sedikit. Di sepanjang proses pembelajaran, pelajar hanya sempat menumpukan masa untuk latihan membaca, menulis dan membuat persediaan untuk peperiksaan. Begitu juga pengajar, hanya bertungkus lumus untuk mengabiskan sukatan pelajaran dan tidak mempunyai masa yang cukup untuk melatih pelajar bertutur sedangkan kita tahu bahawa aspek pertuturan adalah yang terpenting dalam sesuatu bahasa. Maka disarankan kepada pihak yang menyediakan sukatan pelajaran supaya mengurangkan kandungan tajuk-tajuk di dalam teks serta turut mengutamakan latihan pertuturan.

### **5.2.1.2 Pemilihan Kosa kata**

Aspek pemilihan kosa kata yang sesuai juga merupakan yang terpenting di dalam menjayakan proses pengajaran bahasa Arab. Bagi pelajar-pelajar yang mengambil kursus bahasa Arab sebagai bahasa ketiga, seharusnya kosa kata yang di perkenalkan adalah:

- a) Kosa kata yang paling asas dah mudah, bukan perkataan yang abstrak yang boleh mengelirukan pelajar serta susah untuk dihafaz. Pemilihan kosa kata juga perlu dikaji dari aspek sebutan dan tulisan.
  
- b) Mengikut Masa dan Persekutaran

Topik-topik yang disisikan di dalam kandungan teks perlu mengambil kira keadaan persekitaran hidup pelajar sehari-hari. Kosa kata yang diperkenalkan mestilah hampir

dengan kehidupan seharian dan setempat. Ini akan memudahkan lagi pemahaman pelajar terhadap apa yang dipelajari disamping minat yang memberansangkan kerana apa yang di pelajari dirasakan berpijak di bumi nyata dan bukan hayalan.

### 5.2.2 Cadangan Kepada Tenaga Pengajar

Tenaga Pengajar merupakan watak atau peranan utama di dalam menentukan kemajuan pengajaran bahasa Arab di sesebuah institusi pengajian. Untuk mengatasi permasalahan penguasaan kosa kata yang masih ujud di dalam sistem pengajaran di UiTM, beberapa cadangan kepada para pensyarah adalah amat perlu diberi perhatian seperti:

#### 5.2.2.1 Lebih Kreatif dalam pengajaran

Sebagai jentera penggerak yang paling penting di dalam proses pengajaran bahasa Arab, pengajar mesti lebih kreatif dengan mempelbagaikan corak pengajaran serta sentiasa dekat dengan pelajar. Mereka juga perlu bijak di dalam memilih kosa kata yang hendak diperkenalkan kepada pelajar semada semasa berkomunikasi mahupun menulis, supaya pelajar tidak merasakan terlalu susah untuk menyebutnya, sebagai contoh: (كَيْفَ عُطِلْتُكَ؟)

boleh diganti dengan ( كَيْفَ الْعُطْلَةُ؟ ).

Jika kita perhatikan contoh yang diberi, mempunyai beza dari segi sebutan walaupun sama dari segi maksud yang hendak disampaikan dimana contoh pertama, “*kaifa ‘utlatuka*” ( bagaimana percutian hujung minggu anda?) agak susah di sebut oleh pelajar yang tidak mempunyai asas BA, manakala contoh kedua, “*kaifa al-‘utlat*” lebih senang dan lancar untuk disebut.

#### **5.2.2.2 Penggunaan Alat Bantu Mengajar**

Penggunaan alat bantu mengajar seharusnya dianggap penting dimana setiap pengajar sepatutnya sentiasa mempunyai inisiatif sendiri di dalam menyediakan bahan-bahan yang boleh menarik minat pelajar di samping bahan-bahan yang telah disediakan oleh pihak unit bahasa Arab seperti, gambar, objek, papan tanda, foto dan lain-lain.

#### **5.2.2.3 Penggunaan Alat Pandang Dengar**

Pensyarah seharusnya sedar bahawa penggunaan alat pandang dengar seperti video dan audio merupakan salah satu cara untuk membekalkan lebih banyak kosa kata kepada pelajar dengan lebih efektif. Pelajar seharusnya lebih banyak didedahkan kepada filem-filem, drama dan juga bentuk hiburan dalam bahasa Arab kerana cara ini lebih menarik dan tidak membosankan. Membiasakan pelajar mendengar lagu-lagu Arab juga akan membantu pelajar mengingati lebih banyak kosa kata. Ini adalah kerana naluri manusia sangat cepat memberi ransangan kepada apa sahaja yang berbentuk hiburan, sebagai contoh, kanak-kanak pada hari ni lebih cepat menghafaz nama-nama Allah melalui nasyid yang mereka minati.

#### **5.2.2.4 Ilmu dan Pengalaman**

Untuk menjadi seorang pengajar yang di segani dan dihormati pelajar terutama di IPT, pensyarah perlu menimba ilmu secukupnya terutama ilmu tentang bahasa khususnya bahasa Arab. Di samping ilmu tentang bahasa Arab, mereka juga perlu menimba ilmu dan pengalaman yang sebanyak mungkin di dalam kaedah dan pendekatan pengajaran

sebanyak yang mungkin dengan selalu bertanyakan kepada pensyarah yang lebih senior dan juga melalui penglibatan diri dalam kursus-kursus dan seminar pengajaran BA.

#### **5.2.2.5 Kaedah Latih Tubi**

Kosa kata bahasa Arab yang sememangnya dianggap asing oleh pelajar terutama bagi pelajar yang tidak mempunyai asas sebelumnya. Salah satu cara yang paling berkesan untuk mengatasi masalah sebutan dan ingatan di kalangan pelajar ialah dengan cara pengulangan atau latih tubi. Cara ini adalah amat perlu diamalkan oleh setiap pensyarah bahasa Arab bagi memastikan setiap pelajar dapat menguasai kosa kata itu dengan baik.

#### **5.2.2.6 Memotivasi Pelajar**

Sikap malas atau kurang minat di kalangan pelajar merupakan salah satu permasalahan dalaman yang sering menghantui proses pembelajaran bahasa Arab sekali gus menghalang kelancaran proses pengajaran. Selain daripada cara mengajar yang kreatif dan pelbagai, pengajar juga seharusnya sentiasa memperuntukkan masa beberapa minit di dalam sesi pengajaran untuk memberi motivasi kepada pelajar samada secara langsung mahupun secara tidak langsung seperti melalui cerita-cerita dan sebagainya. Pelajar harus diberi kesedaran tentang kepentingan bahasa al-Quran ini di dalam kehidupan seharian mereka khususnya pelajar muslim.

#### **5.2.2.7 Aktiviti Luar Kelas**

Pengajaran bahasa yang cemerlang tidak hanya tertumpu di dalam bilik darjah atau kuliah semata-mata. Untuk membantu penguasaan kosa kata bahasa Arab di kalangan

pelajar secara lebih berkesan, pengajar harus memikirkan cara-cara mewujudkan suasana bahasa Arab kepada pelajar di luar kelas dengan cara aktif dalam aktiviti-aktiviti luar seperti ko-kurikulum yang menggunakan bahasa Arab, pementasan samada berbentuk nyanyian, nasyid mahupun lakonan dalam BA. Cara ini juga secara tidak langsung dapat mengeratkan lagi hubungan di antara guru dengan murid sekali gus mengikis rasa malu atau segan di kalangan pelajar terhadap guru atau pensyarah mereka.

#### **5.2.2.8 Menceriakan Suasana Pengajaran**

Di samping keterampilan yang kemas dan bersih, pensyarah juga perlu sentiasa menceriakankan suasana supaya keadaan tidak menjadi jemu. Jenaka dan gurauan yang tidak keterlaluan adalah merupakan salah satu elemen yang sangat penting dalam pengajaran bahasa asing. Apa yang penting ialah pengajar mesti berjaya menarik perhatian pelajarnya dengan unsur-unsur hiburan secara sepiutan agar kehadhirannya sentiasa dinanti dengan penuh minat.

#### **5.2.3 Cadangan Kepada Pelajar**

Pelajar merupakan pihak pertama di dalam proses pembelajaran bahasa Arab. Penentu bagi kejayaan satu-satu kaedah pengajaran ialah pencapaian pelajar samada di dalam keputusan peperiksaan mahupun pertuturan. Masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar samada berbentuk luaran mahupun dalaman merupakan masalah yang sepatutnya di bendung bersama oleh para pengajar. Berdasarkan permasalahan yang telah dikenal pasti, beberapa cadangan adalah perlu di beri kepada para pelajar yang perlu diberi perhatian seperti:

### **5.2.3.1 Minat dan Kesungguhan**

Aspek utama yang mesti dimiliki oleh setiap pelajar bahasa ialah minat yang mendalam terhadap bahasa asing yang dipelajari. Meraka juga mesti mengikis anggapan bahwa bahasa Arab adalah satu bahasa yang amat susah dan tidak menarik kerana sikap dan anggapan sedemikian hanya akan merugikan masa dan usaha mereka sendiri. Meraka seharusnya rasa amat bertuah kerana mempunyai peluang untuk belajar satu-satunya bahasa pertuturan ahli syurga ini. Dengan rasa minat, apa jua yang dipelajari tidak akan dianggap beban malah menyeronokkan. Disamping minat, pelajar juga harus ikhlas dalam menuntut ilmu khususnya bahasa Arab supaya ilmu itu akan berkekalan di dalam ingatannya.

### **5.2.3.2 Teknik Pembelajaran**

Teknik belajar yang betul juga merupakan salah satu langkah bijak untuk menguasai sesuatu bahasa yang dipelajari. Untuk menguasai bahasa asing yang dipelajari, pelajar perlu menghafaz dan memahami kosa kata-kosa kata dengan baik sebagai bekal untuk berkomunikasi, jika tidak, segala usahanya akan gagal walaupun dia dapat menguasai aspek lain seperti sintaksis, morfologi dan sebagainya.

Pelajar juga mesti berfikiran terbuka dan cuba mendalami gaya bahasa “ uslub” bahasa yang dipelajari khususnya bahasa Arab dan di sini, amat penting bagi mereka mempelajari budaya bangsa penutur asal.

### **5.2.3.3 Kerap Bertanya**

Untuk menjadi seorang pelajar yang cemerlang, pelajar mestilah sentiasa membiasakan diri dengan selalu bertanya apa jua soalan yang berkaitan dengan apa yang dipelajari. Pembelajaran bahasa Arab amat memerlukan komunikasi di antara pengajar dengan murid secara berterusan tanpa rasa segan atau rendah diri dan soalan-soalan yang dikemukakan sebaik-baiknya di dalam bahasa Arab. Pelajar mesti mencuba sekadar mampu dengan mengenepikan perasaan malu atau takut pada kesilapan, kerana belajar tanpa kesilapan tidak akan memberi kejayaan.

### **5.3 Cadangan Kajian Lanjut**

Kajian ini boleh dijadikan sebagai salah satu sumber yang boleh membantu sebagai rujukan untuk membuat kajian-kajian lanjutan yang berkaitan dengan kosa kata BA di pelbagai peringkat, samada peringkat sekolah rendah, menengah dan IPT. Oleh itu, kajian ini boleh dijadikan sebagai asas dan panduan untuk mengenalpasti bidang-bidang kajian lain yang berkaitan dengan kosa kata yang perlu diterokai. Diharap, akan ada lebih banyak kajian-kajian yang akan dibuat oleh sarjana-sarjana kita di masa depan mengenai pengajaran bahasa Arab khususnya yang berkaitan dengan kosa kata dan kepentingannya.

### **5.4 Penutup**

Diharap, kajian ini dapat membantu untuk meningkatkan lagi pengajaran bahasa Arab di UiTM kearah mencapai satu tahap yang cemerlang serta dapat melahirkan graduan yang mampu untuk berbahasa Arab dengan baik terutama dalam aspek pertuturan walaupun

kedudukan bahasa al-Quran ini hanya mendapat tempat ketiga di kalangan bahasa-bahasa di universiti ini. Pendekatan dan kaedah yang berkesan serta metod yang menarik di dalam pengajaran di samping motivasi kepada pelajar, akan dapat menghasilkan natijah yang membanggakan.

Semoga bahasa yang paling dikasihi oleh Rasulullah (SAW) dan para sahabat ini akan dapat bertapak dengan lebih kukuh di UiTM dan juga di IPT yang lain serta penggunaannya akan lebih meluas dan di minati oleh seluruh masyarakat kita khususnya masyarakat melayu yang majoritinya beragama Islam.